



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS
PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

Pejabat Bendahari

08 Mac 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (05)

08 Mac 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 05/2021 GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Garis Panduan Pengurusan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Proses pelantikan penyewa/pengusaha kafetaria dan kiosk sehingga kini telah dilaksanakan melalui proses perolehan sebut harga Universiti. Walau bagaimanapun penyewaan kafeteria adalah merupakan inisiatif penajaan yang menyumbangkan kepada hasil pendapatan Universiti dan bukan merupakan suatu perolehan Universiti yang mana tidak tertakluk kepada peraturan perolehan.
- 2.2 Premis perniagaan yang tertakluk di bawah garis panduan ini adalah kafetaria, kiosk, mesin layan diri, mini gerai/ mini kiosk, gerai bergerak, pasar berkala/ bermusim.
- 2.3 Melalui garis panduan ini pemilihan pengusaha bagi premis kafetaria, kiosk dan penawaran perkhidmatan yang mempunyai lebih daripada seorang penyewa/pengusaha yang berminat akan dipilih melalui proses pelawaan penajaan pendapatan.

- 2.4 Jawatankuasa Pemilihan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka ditubuhkan bertanggungjawab untuk menimbangkan dan meluluskan pemilihan penyewa dan perkhidmatan berdasarkan perakuan yang disediakan oleh Jawatankuasa PTj/Jawatankuasa Kafetaria Universiti (premis kafetaria dan kiosk).
- 2.5 Skop garis panduan ini tidak termasuk penyewaan ruang dan kemudahan di bawah pengurusan PTj yang mana tiada keperluan pemilihan penyewa dan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Ruang Dan Kemudahan dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU).
- 2.6 Garis panduan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bilangan 1/2021 pada 4 Februari 2021 dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1/2021 pada 10 Februari 2021.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Objektif garis panduan ini disediakan adalah untuk:
 - 3.1.1 Memberi panduan tentang tatacara pengurusan premis perniagaan yang terdapat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
 - 3.1.2 Memberikan maklumat yang lebih menyeluruh tentang syarat-syarat, proses dan peraturan Universiti yang perlu dipatuhi dalam pengurusan pelantikan berkaitan pengurusan premis dan perkhidmatan yang melibatkan pemilihan penyewa/pengusaha.
 - 3.1.3 Membantu pihak pengurusan UTeM dalam memantau urusan pelantikan pengusaha premis perniagaan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
 - 3.1.4 Meningkatkan kecekapan pengurusan premis perniagaan dan seterusnya dapat membantu penjana pendapatan melalui penyewaan premis.

4.0 RINGKASAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN

- 4.1 Garis panduan ini merangkumi tatacara pemilihan dan pelantikan pengusaha/penyewa bagi premis perniagaan Universiti, perkhidmatan, tanggungjawab pihak berkaitan dan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Universiti (JPPU) iaitu merangkumi premis yang ditawarkan oleh Universiti kepada pihak luar/penyewa termasuk kafetaria, kiosk, mesin layan diri, mini gerai/mini kiosk, gerai bergerak, pasar berkala/bermusim, penawaran perkhidmatan (oleh pihak luar kepada Universiti) dan lain-lain bentuk perniagaan yang ditawarkan oleh universiti.
- 4.2 Kriteria atau ciri-ciri aktiviti dan perkhidmatan yang di kategori di bawah garis panduan adalah seperti berikut:
- 4.2.1 Pemilihan pengusaha bagi premis kafetaria, kiosk dan penawaran perkhidmatan yang mempunyai **lebih daripada seorang penyewa/pengusaha** yang berminat akan dipilih melalui proses pelawaan penjanaaan pendapatan.
- 4.2.2 Perkhidmatan yang tertakluk kepada garis panduan ini adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak luar seperti perkhidmatan juru gambar, pengurus acara/projek dan sebagainya semasa majlis/program/aktiviti Universiti yang mana hasil diperolehi daripada pelajar, staf atau orang luar yang menggunakan perkhidmatan mereka.
- 4.3 Garis Panduan Pengurusan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan mengandungi perkara berikut :
- 4.3.1 Objektif dan skop
- 4.3.2 Tafsiran
- 4.3.3 Kategori Premis Perniagaan
- 4.3.4 Penetapan Kadar Sewaan
- 4.3.5 Jawatankuasa Pemilihan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan
- 4.3.6 Jawatankuasa Kafetaria
- 4.3.7 Peranan Pusat Tanggung Jawab

- 4.3.8 Pengurusan Pelawaan Penjanaaan Pendapatan
 - 4.3.9 Pengurusan Pelantikan Penyewa Premis Perniagaan (Tanpa Pelawaan Penjanaaan)
 - 4.3.10 Pengurusan Penyewaan Mesin Layan Diri
 - 4.3.11 Cadangan Penjanaaan Melalui Penawaran Perkhidmatan
 - 4.3.12 Cadangan Inisiatif Penjanaaan Pendapatan
 - 4.3.13 Pentadbiran Penyewaan
 - 4.3.14 Tatacara Pembayaran
 - 4.3.15 Hak-Hak Universiti
 - 4.3.16 Tanggungjawab Penyewa
 - 4.3.17 Pengecualian
 - 4.3.18 Penutup
- 4.4 Proses Pelawaan Penjanaaan Pendapatan akan diuruskan oleh Unit Pengurusan Penjanaaan Pendapatan, Pusat Strategik Penjanaaan Pendapatan, Pejabat Bendahari.
- 4.5 Kadar harga naskhah jualan bagi setiap satu set dokumen pelawaan penjanaaan adalah:
- 4.5.1 RM10 bagi kiosk/gerai.
 - 4.5.2 RM22.00 bagi kafetaria/lain-lain premis/perkhidmatan.
- 4.6 Kelulusan pelantikan pengusaha yang dibuat melalui proses pelawaan penjanaaan adalah oleh Jawatankuasa Pemilihan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Universiti (JPPU).
- 4.7 Garis Panduan Pengurusan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan adalah seperti **Lampiran**.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universil boleh dicapai di laman web Pejabat Bendahari di menu Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU).
- 5.2 Garis Panduan Pengurusan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Serta Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Premis Perniagaan Dan Perkhidmatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan berkuat kuasa mulai **08 Mac 2021**.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AA/UMI/PSPP